

## SOROTON KAJIAN: PERJUDIAN DIGITAL DALAM PASARAN KEWANGAN

**Mohamad Asraff Khirol<sup>a</sup>, Muhammad Shazwan Hazmi Zulkifli<sup>b</sup>, Ahmad Arik Ulwan Mohd Ridzuan<sup>c</sup> Siti Solehah Mohd Khaseri<sup>d</sup>, Nur Irdina Izzati Isa<sup>e</sup>, Zunaidah Ab Hasan<sup>f\*</sup>**

<sup>a</sup>*Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka  
[2022646154@student.uitm.edu.my](mailto:2022646154@student.uitm.edu.my)*

<sup>b</sup>*Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka  
[2022484564@student.uitm.edu.my](mailto:2022484564@student.uitm.edu.my)*

<sup>c</sup>*Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka  
[2022461618@student.uitm.edu.my](mailto:2022461618@student.uitm.edu.my)*

<sup>d</sup>*Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka  
[2022828616@student.uitm.edu.my](mailto:2022828616@student.uitm.edu.my)*

<sup>e</sup>*Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka  
[2022879758@student.uitm.edu.my](mailto:2022879758@student.uitm.edu.my)*

<sup>f</sup>*\*Centre for Islamic Philanthropy and Social Finance (CIPSF)  
[zunaidah492@uitm.edu.my](mailto:zunaidah492@uitm.edu.my)*

<sup>\*</sup>*Corresponding Author*

### Article info

Received:

21/02/2025

Received In Revised Form:

12/03/2025

Accepted:

13/03/2025

Available Online:

20/03/2025

Keywords:

*Perjudian Digital;*

*Gamifikasi;*

*Impak Psikososial;*

*Kawal Sedia;*

*Perdagangan Spekulatif*

DOI:

[10.24191/JIPSF/v7n12025\\_64-72](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v7n12025_64-72)

### Abstrak

*Pendigitalan telah mengubah landskap perjudian, dan platform dagangan digital mewujudkan jurang yang berbahaya antara pelaburan dan perjudian dengan menggabungkan elemen gamifikasi yang menarik tetapi berbahaya. Seiring dengan peningkatan kadar ketagihan, ini juga membawa kepada kesan psikososial yang merangkumi tingkah laku impulsif, kemurungan dan kesan negatif terhadap kestabilan kewangan atau perhubungan keluarga. Di Malaysia, cabarannya lebih rumit kerana platform ini sering beroperasi di zon kelabu undang-undang, mengehadkan keberkesanan kawalan kawal selia. Matlamat kajian ini adalah untuk menganalisis mekanisme perjudian dalam perdagangan digital, menilai impaknya terhadap tingkah laku dan kesejahteraan pengguna, serta mengkaji kelemahan pengawalseliaan sedia ada. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah deskriptif dan tematik untuk membentangkan gambaran lengkap tentang fenomena ini dan mencadangkan pelaksanaan langkah pengawalseliaan menyeluruh untuk melindungi pengguna daripada risiko yang semakin membimbangkan yang berkaitan dengan perjudian digital dalam pasaran kewangan.*

## LITERATURE REVIEW: DIGITAL GAMBLING IN THE FINANCIAL MARKET

---

### *Abstract*

*Digitization has changed the gambling landscape, and digital trading platforms create a dangerous gap between investment and gambling by incorporating attractive but dangerous elements of gamification. Along with increasing rates of addiction, this also leads to psychosocial effects that include impulsive behavior, depression and negative effects on financial stability or family relationships. In Malaysia, the challenge is more complicated as these platforms often operate in a legal gray zone, limiting the effectiveness of regulatory controls. The aim of this study is to analyze the mechanisms of gambling in digital commerce, assess its impact on consumer behavior and well-being, and examine existing regulatory weaknesses. The article provides a descriptive and thematic approach for presenting an in-depth overview of this phenomena and recommends the introduction of extensive regulatory measures for protecting consumers from the growing potential risks connected with digital gambling in financial markets.*

*Keywords:* Digital Gambling, Gamification, Psychosocial Impact, Regulation, Speculative Trading

### PENGENALAN

Pada era digital, industri perjudian telah mengalami perubahan yang ketara. Permainan telah beralih daripada platform fizikal kepada platform digital yang lebih mudah diakses. Fenomena transformasi digital ini telah membuka jalan kepada perjudian baharu dan telah mengubah cara orang ramai melihat risiko dan peluang kewangan. Sebuah kajian yang dijalankan oleh Wall et al. (2024) menunjukkan bahawa pengdigitalan perjudian telah menyebabkan peningkatan ketara dalam kes ketagihan, terutamanya melalui platform perdagangan kewangan dalam talian yang mempunyai ciri-ciri yang serupa dengan perjudian konvensional.

Dengan kemajuan dalam teknologi, kini terdapat ekosistem digital yang membolehkan orang ramai mengakses pelbagai jenis perjudian. Platform perdagangan kewangan kini menggabungkan elemen yang sangat serupa dengan mekanisme perjudian konvensional. Fenomena ini menjadi semakin membimbangkan di Malaysia kerana, menurut Rathakrishnan dan George (2021), terdapat peningkatan dalam perjudian digital yang tidak dikawal undang-undang, termasuk platform pelaburan dan perdagangan yang kelihatan seperti perjudian. Perkembangan ini menimbulkan persoalan etika yang rumit dan mencabar sistem undang-undang yang sedia ada untuk mengawal aktiviti kewangan digital.

Manakala, Ismail dan Hamid (2021) mendapati bahawa terdapat hubungan yang ketara antara ketagihan perjudian, tingkah laku naluri, dan kemurungan dalam kalangan individu yang terlibat dalam aktiviti perjudian digital. Hasil penyelidikan mendapati bahawa platform digital tidak hanya menyediakan akses yang mudah, tetapi mereka juga membuat medium dan mekanisme yang direka khas untuk mengekalkan interaksi pengguna seperti penggunaan tablet dan telefon pintar sebagai medium perjudian atas talian yang dilakukan. Mekanisme ini serupa dengan mesin perjudian tradisional, menggunakan elemen gamifikasi, gegelung maklum balas segera, dan algoritma canggih untuk merangsang emosi.

Hasil ini disokong oleh Budiman et al. (2021), yang mendapati bahawa pelbagai jenis perjudian digital telah menjadi lebih mudah dengan kemajuan teknologi. Kajian mendapati bahawa platform kontemporari tidak sekadar membenarkan aktiviti kewangan tetapi juga menggunakan teknik psikologi tingkah laku untuk meningkatkan interaksi pengguna. Penggunaan komponen seperti ganjaran segera, tahap kepintaran buatan, dan antara bentuk atau medium yang direka untuk menggalakkan dorongan kognitif dan emosi adalah contoh daripada ini.

---

### SOROTON KAJIAN

Pendigitalan pasaran kewangan telah menimbulkan kebimbangan yang besar tentang perbezaan yang semakin tidak jelas antara perjudian dan perdagangan. Ketidakseimbangan antara kelajuan kemajuan teknologi dan keupayaan sistem undang-undang untuk beradaptasi merupakan isu utama yang muncul. Arifina et al. (2024) mendapati bahawa ketagihan kepada perjudian dalam talian, seperti perdagangan spekulatif, menjelaskan keharmonian keluarga dan kestabilan kewangan.

Menurut Wall et al. (2024), penggabungan elemen perjudian dalam platform digital telah meningkatkan kemungkinan ketagihan, dan data menunjukkan bahawa lebih ramai orang mendapatkan bantuan profesional untuk masalah mereka yang berkaitan dengan perjudian digital. Ini menunjukkan betapa pentingnya masalah itu, yang melepassi bidang kewangan dan melibatkan aspek psikososial yang kompleks. Gangguan hubungan keluarga, kemerosotan kesihatan mental, dan kemungkinan keruntuhan struktur sosioekonomi individu dan komuniti adalah semua contoh kesan sosial.

Ketiadaan undang-undang yang mencukupi terhadap platform perdagangan digital yang menggunakan kaedah perjudian memburukkan lagi masalah ini. Rathakrishnan dan George (2021) mendapati bahawa mengawal perjudian digital di Malaysia menjadi lebih sukar apabila platform perdagangan dan pelaburan muncul dalam zon kelabu undang-undang. Ketidakjelasan ini menimbulkan risiko tinggi kepada pengguna yang tidak mempunyai maklumat yang mencukupi dan menghalang mereka daripada menggunakan mekanisme perlindungan pengguna.

Ismail dan Hamid (2021) juga mendapati bahawa orang yang ketagihan perjudian digital mempunyai impulsiviti dan kemurungan yang tinggi. Hasilnya menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kompleks antara platform digital, tingkah laku pengambilan risiko, dan kesihatan mental. Bagi menangani fenomena perjudian digital, pendekatan holistik yang merangkumi elemen undang-undang, psikologi, dan teknologi adalah perlu dilaksanakan.

Memandangkan perkembangan teknologi yang pesat dan kesan mereka terhadap masyarakat, memahami dan menangani isu ini menjadi semakin penting. Ia memerlukan penyelidikan mendalam yang bukan sahaja mencari mekanisme perjudian digital tetapi juga menawarkan kerangka lengkap untuk pengawalseliaan, perlindungan pengguna, dan intervensi psikososial.

### *Persoalan Kajian*

1. Bagaimanakah tingkah laku dan keputusan pelaburan pengguna dipengaruhi oleh ciri-ciri perjudian yang terdapat dalam platform perdagangan digital?
2. Apakah kesan psikososial yang dialami pelabur apabila teknik perjudian digunakan dalam platform perdagangan digital?
3. Sejauh manakah sistem kawal selia pasaran kewangan berfungsi untuk menangani risiko perjudian digital?

### *Objektif Kajian*

1. Mengkaji proses dan ciri perjudian yang digunakan oleh platform perdagangan digital.
2. Menilai kesan psikososial yang disebabkan oleh penggunaan platform perdagangan yang mempunyai elemen perjudian.
3. Mengkaji kesan undang-undang sedia ada pada perjudian digital dalam pasaran kewangan.
4. Mencadangkan sistem pengawalseliaan komprehensif untuk menangani ancaman yang berkaitan dengan perjudian digital.

Budiman et al. (2022), menganalisis kesan perjudian dalam talian terhadap belia di Indonesia. Penemuan menunjukkan bahawa perjudian dalam talian bukan sahaja menjadi aktiviti popular di kalangan golongan muda, tetapi ia juga telah mula menyebabkan beberapa isu kesihatan mental dan masalah sosial. Remaja yang berjudi dalam talian menunjukkan tingkah laku kompulsif seperti mengabaikan tanggungjawab sosial dan akademik mereka dan penurunan tahap aktiviti fizikal mereka. Kesan buruk

---

ini mengukuhkan keperluan untuk kesedaran dan pendidikan tentang bahaya perjudian dalam talian di kalangan generasi muda.

Manakala kajian oleh Molander et al. (2024) menyoroti risiko perjudian dalam talian dan akibatnya terhadap individu yang mencari bantuan di Sweden. Kajian itu mendapati bahawa peningkatan perjudian dalam talian seperti mesin poker elektronik dikaitkan dengan kemudaratian yang berkaitan termasuk kesihatan mental dan masalah ekonomi. Penemuan mereka juga mencadangkan bahawa orang yang mengambil bahagian dalam perjudian dalam talian lebih berkemungkinan mengalami gejala kemurungan dan cemas. Ini menunjukkan bahawa perjudian dalam talian memberi kesan kepada individu, tetapi juga memberi kesan kepada kesihatan mental mereka, yang sepatutnya menjadi kebimbangan kepada pembuat dasar dan penyedia perkhidmatan kesihatan.

Kajian yang di Malaysia oleh Rathakrishnan dan George (2021), memfokuskan kepada persepsi perjudian dan mendapati perjudian adalah hobi yang lazim dalam kalangan penduduk, walaupun begitu masih sedikit kajian mengenai kesan perjudian. Mereka menegaskan bahawa walaupun perjudian mungkin bertentangan dengan undang-undang Islam, namun begitu masalah ini terus berleluasa kepada orang Islam. Kajian ini mencadangkan terdapat cara yang lebih baik untuk menangani masalah perjudian yang merangkumi program pendidikan dan intervensi untuk mengawal kesan buruk perjudian kepada masyarakat. Penemuan ini memerlukan penyelidikan yang lebih meluas tentang kesan perjudian di Malaysia.

Ismail dan Hamid (2021) meneroka hubungan antara ketagihan perjudian dalam talian, impulsif dan kemurungan dalam kalangan penjawat awam di Malaysia. Keputusan menunjukkan bahawa impulsif dan kemurungan memainkan peranan penting dalam pemahaman ketagihan perjudian dalam talian. Penemuan menunjukkan bahawa dalam mengurangkan kesan terlibat dengan perjudian, individu yang lebih impulsif daripada orang biasa mempunyai kecenderungan yang membawa kepada aktiviti perjudian. Manakala individu yang tertekan, mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk terlibat dengan masalah perjudian. Kajian ini menekankan bahawa pendekatan rawatan yang memberi perhatian kepada pengawalan impuls dan pengurusan kemurungan dapat membantu dalam merawat masalah perjudian patologi.

Akhir sekali, kajian yang dimaksudkan oleh Arifina et al. (2024) melihat ketagihan perjudian dalam talian dan kesannya terhadap kesejahteraan keluarga di Kampung Bunga Tanjung mendapati bahawa ketagihan perjudian dalam talian mempunyai kesan yang besar terhadap perhubungan dan komunikasi dalam keluarga, serta kepada ketua keluarga, secara amnya. Dapatkan ini menunjukkan bahawa masalah ketagihan judi tidak terhad kepada individu sahaja, malah ia turut menjelaskan kesihatan keseluruhan unit keluarga. Itulah sebabnya kajian ini menekankan mengapa perlunya langkah pencegahan dan rawatan melalui sesi kaunseling, pemulihan dan sokongan sosial bagi membantu keluarga yang terjejas pulih daripada ketagihan perjudian dalam talian.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif dan tematik untuk menganalisis fenomena perjudian digital dalam pasaran kewangan. Pendekatan deskriptif berfungsi untuk memberikan gambaran terperinci dan komprehensif mengenai elemen-elemen utama yang terlibat, seperti ciri-ciri perjudian digital yang menyerupai mekanisme perjudian tradisional, termasuk elemen gamifikasi dan ganjaran segera. Ia turut memaparkan kesan psikososial seperti kemurungan, gangguan hubungan sosial, dan impulsiviti kewangan yang dialami oleh pengguna platform digital. Dalam kaedah ini, analisis ditekankan pada isu kawal selia, terutamanya kekeliruan undang-undang dan zon kelabu yang membolehkan beroperasinya platform-platform ini tanpa ada kawal selia yang memadai.

Manakala pendekatan tematik pula digunakan untuk mengungkap tema-tema penting yang muncul daripada analisis data. Tema yang diperhatikan termasuklah ketagihan dan kesannya terhadap kesihatan mental, kekeliruan antara pelaburan dan perjudian, serta kelemahan kawal selia. Sebagai contoh, elemen gamifikasi dalam platform perdagangan kewangan bukan sahaja menyerupai mekanisme perjudian

tetapi juga mendorong pengguna kepada tingkah laku impulsif yang boleh menjelaskan kestabilan kewangan mereka. Kajian ini turut membincangkan isu kelemahan kawal selia yang memerlukan perhatian serius melalui cadangan kerjasama antarabangsa dan pembangunan undang-undang yang lebih berkesan.

Penggunaan kedua-dua kaedah ini memberikan pendekatan yang menyeluruh untuk memahami fenomena kompleks seperti perjudian digital. Pendekatan deskriptif membantu menggambarkan fenomena secara luas, manakala pendekatan tematik mendalamkan analisis untuk mengenal pasti pola dan tema yang signifikan.

Kajian oleh Budiman et al. (2022) menyokong penggunaan kedua-dua pendekatan ini dengan membincangkan bagaimana elemen psikologi tingkah laku dan gamifikasi mempengaruhi pengguna. Ismail dan Hamid (2021) memberikan bukti hubungan antara ketagihan perjudian, impulsiviti dan kemurungan, manakala Rathakrishnan dan George (2021) menyentuh tentang kelemahan kawal selia dalam konteks Malaysia. Kajian ini mengukuhkan justifikasi penggunaan pendekatan deskriptif dan tematik untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam dan menyeluruh terhadap isu yang dikaji.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa gamifikasi dan ganjaran segera adalah ciri perjudian yang menarik yang digabungkan oleh platform perdagangan digital. Komponen ini bertujuan untuk meningkatkan interaksi pengguna dengan platform dan menarik mereka untuk terus berinteraksi dengannya. Kajian yang dilakukan menyatakan bahawa kaedah psikologi tingkah laku telah meningkatkan penglibatan pengguna dalam platform perjudian dalam talian. Penyelidik mendapati dalam kajian ini bahawa pengguna sering terdedah kepada tingkah laku impulsif, yang menyebabkan mereka membuat pilihan kewangan yang tidak rasional. Ini menunjukkan bahawa perbezaan antara pelaburan dan perjudian semakin kabur. Akibatnya, pengguna mungkin tidak menyedari risiko yang mereka hadapi. (Budiman et al., 2022).

Selain itu, terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan platform perdagangan digital dan kesan psikososial negatif seperti kemurungan, kecemasan, dan gangguan hubungan sosial. Orang yang berjudi digital mengalami kemurungan lebih kerap berbanding orang yang tidak berbuat demikian. Penemuan ini menunjukkan bahawa ketagihan perjudian digital memberi kesan kepada kesejahteraan keluarga selain daripada individu. Ketagihan perjudian dalam talian juga boleh menjelaskan komunikasi dan keharmonian keluarga, yang menunjukkan bahawa ini adalah isu sosial yang lebih besar yang memerlukan perhatian (Ismail & Hamid, 2021; Arifina & Yusnadi, 2024).

Akhir sekali, pembangunan kerangka kerja pengawalseliaan yang komprehensif adalah penting. Ini termasuk menyediakan pengguna dengan maklumat tentang risiko perjudian digital dan menyediakan perkhidmatan sokongan psikologi kepada mereka yang terjejas bagi meningkatkan pengetahuan kewangan pengguna muda untuk mengurangkan kesan negatif perjudian digital. Selain itu, kerajaan dan organisasi bukan kerajaan harus bekerjasama untuk membina pusat sokongan psikologi yang menawarkan rawatan dan pendidikan tentang bahaya perjudian digital. Untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya aktiviti ini, kempen kesedaran perlu diperluaskan, terutamanya di kalangan pengguna muda yang lebih terdedah kepada pengaruh digital (Budiman et al., 2022).

## CABARAN DAN CARA MENGATASI

Salah satu cabaran utama dalam isu ini adalah kekeliruan antara judi dan pelaburan di platform dagangan dalam talian. Unsur seperti ganjaran cepat, gambar menarik, dan cara permainan membuat pengguna terdedah kepada tindak balas impulsif, seterusnya membawa kepada keputusan kewangan yang tidak bijak. Dalam menghadapi cabaran ini, kerajaan dicadangkan untuk menguatkan undang-undang dengan memaksa semua platform digital yang beroperasi di Malaysia mendapatkan lesen tempatan. Undang-undang ini perlu melarang penggunaan unsur judi yang boleh menyebabkan ketagihan dan memaksa platform memberi pendedahan risiko kepada pengguna (Rathakrishnan & George, 2021; Wall et al., 2024).

Di samping itu, kelemahan kawalan regulasi menyukarkan penguatkuasaan terhadap platform digital, khususnya apabila ia beroperasi dalam zon kelabu undang-undang atau menggunakan teknologi blockchain untuk menghindari kawalan tempatan. Keadaan ini memerlukan kerjasama antarabangsa untuk menyelaraskan peraturan dan memperkenalkan mekanisme kawalan teknologi yang lebih efisien. Teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan analitik data besar boleh dimanfaatkan bagi mengenal pasti corak tingkah laku yang mencurigakan, sekaligus meningkatkan keberkesanan pengawasan (Rathakrishnan & George, 2021; Wall et al., 2024).

Impak psikososial juga menjadi cabaran serius, dengan banyak pengguna mengalami tekanan mental seperti kemurungan, impulsiviti, dan gangguan hubungan sosial akibat kerugian kewangan. Untuk mengurangkan kesan ini, kerajaan dan organisasi bukan kerajaan harus menyediakan pusat sokongan psikologi yang menawarkan terapi dan pendidikan tentang risiko perjudian digital. Kempen kesedaran juga perlu diperluaskan untuk memastikan masyarakat memahami risiko aktiviti ini, terutamanya di kalangan pengguna muda (Ismail & Hamid, 2021; Arifina & Yusnadi, 2024).

Tahap literasi kewangan yang rendah dalam kalangan masyarakat memburukkan lagi situasi ini, kerana ramai yang tidak dapat membezakan antara pelaburan dan perjudian. Oleh itu, kempen literasi kewangan yang menyasarkan golongan muda dan pengguna baru perlu diperkenalkan. Program ini harus menekankan perbezaan antara perdagangan spekulatif dan pelaburan jangka panjang, serta bekerjasama dengan institusi kewangan untuk meningkatkan pemahaman pengguna (Budiman et al., 2022).

Akhir sekali, cabaran teknikal dalam pengawasan platform digital memerlukan pendekatan yang inovatif. Platform berdasarkan blockchain sering mengelak kawalan tradisional, menjadikannya sukar untuk diawasi. Dalam hal ini, pihak berkuasa perlu mengadaptasi teknologi moden seperti AI untuk memantau aktiviti platform dan mengesan elemen perjudian dengan lebih cepat. Pendekatan ini akan membantu mengawal fenomena ini dengan lebih berkesan sambil melindungi pengguna daripada risiko kewangan yang tidak diingini (Wall et al., 2024).

## CADANGAN

### Memperkuatkan Kerangka Peraturan

Memperkuat kerangka peraturan asas yang telah diimplementasikan adalah langkah pertama yang penting dalam menangani kekhawatiran yang meningkat terkait perjudian digital di era teknologi ini. Terdapat peningkatan dalam perjudian digital termasuk platform perjudian online, permainan kasino virtual, atau aplikasi investasi dengan bentuk perjudian yang sulit untuk dibatasi dalam kerangka hukum yang ada saat ini. Oleh karena itu, menjadi sangat penting bagi kerajaan untuk membangunkan undang-undang yang lebih komprehensif dan relevan untuk mengatur semua bentuk perjudian digital. Undang-undang tersebut harus menyeluruh, tetapi tidak terbatas pada, persyaratan tertentu untuk memperoleh lesen rasmi sebelum diizinkan untuk mengoperasikan platform perjudian dan perlindungan terhadap risiko keselamatan yang ketat.

Kerajaan juga harus menerapkan pedoman yang jelas mengenai pengoperasian platform perjudian digital. Ini termasuk mengawal selia iklan perjudian terutama yang ditujukan kepada golongan muda dan praktik perniagaan yang adil serta telus. Misalnya, platform yang menyertakan bentuk perjudian harus memastikan bahawa langkah-langkah diambil untuk mempromosikan perjudian yang bertanggung jawab dan pengguna diberikan informasi yang tepat dan relevan mengenai risiko yang terlibat.

Menurut Wheaton et al. (2024), undang-undang yang ketat dan sistem penguatkuasaan yang baik boleh melindungi pengguna daripada risiko perjudian dalam talian yang termasuk masalah ketagihan dan kehilangan wang. Kerajaan harus memastikan bahawa penguatkuasaan undang-undang diamalkan secara tersurat dan telus dengan melantik lebih ramai pegawai penguatkuasa yang terlatih untuk memantau aktiviti perjudian digital dan menjalankan pemeriksaan berkala di platform perjudian untuk melihat sama ada peraturan dipatuhi.

Di samping itu, kerjasama antarabangsa sangat penting kerana perjudian dalam talian kerap melibatkan aktiviti rentas sempadan oleh entiti yang beroperasi di luar jangkauan perundangan negara. Oleh itu, adalah perlu bagi kerajaan di seluruh dunia untuk bekerjasama dalam mengharmonikan peraturan mereka dan berkongsi maklumat mengenai platform tersebut yang beroperasi di luar kawalan undang-undang. Dengan kerjasama yang diperlukan dicapai, pihak berkuasa boleh menjelaki platform operasi haram dan bertindak terhadapnya untuk melindungi pengguna daripada risiko yang tidak wajar.

### **Program Pendidikan Kewangan dan Kesedaran Perjudian**

Selain daripada pengukuhan rangka kerja kawal selia, pendidikan kewangan yang komprehensif dan pemerkasaan tentang bahaya perjudian digital juga boleh bertindak sebagai langkah pencegahan yang penting. Literasi kewangan yang lebih baik dalam kalangan penduduk, terutamanya golongan belia, akan menggalakkan keputusan bijak dalam menguruskan kewangan mereka dan mengelakkan diri daripada terjerumus ke dalam perangkap perjudian. Pendidikan kewangan yang betul meletakkan asas yang kukuh untuk menghargai keperluan untuk perancangan kewangan yang bertanggungjawab dan memiliki kemahiran untuk membezakan antara aktiviti pelaburan dan perjudian.

Lusardi dan Mitchell (2014) menekankan bahwa pemahaman yang lebih luas dalam pendidikan kewangan dapat membantu seseorang untuk lebih memahami risiko dan cara untuk terlibat dalam pengurusan risiko. Oleh itu, pendidikan kewangan perlu dimasukkan dalam kurikulum pendidikan formal, bermula dari peringkat sekolah rendah dan menengah, bagi membolehkan pelajar memahami asas pengurusan kewangan, membezakan antara pelaburan dan perjudian, serta mengamalkan pengurusan kewangan peribadi yang bijak.

Di samping itu, banyak program agresif yang perlu dijalankan untuk mendidik remaja dan belia berkaitan dengan risiko judi digital sangat penting diketahui. Perancangan ini boleh dilaksanakan melalui promosi, iklan di media sosial, seminar, dan pelbagai inisiatif lain bagi memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bahaya perjudian serta cara mencegah ketagihan. Dengan meningkatkan kesedaran mengenai risiko perjudian digital, pengguna dapat mengenali tanda-tanda awal ketagihan dan mengambil langkah proaktif untuk melindungi diri mereka.

### **Pembangunan Teknologi untuk Pemantauan dan Pengesanan**

Mengesan dan memantau tingkah laku perjudian di platform digital boleh menjadi lebih mudah dengan teknologi canggih seperti analisis *big data* dan kecerdasan buatan (*AI*). Teknik seperti ini boleh membantu mencari corak tingkah laku yang berisiko untuk pengguna dan memberi amaran awal sebelum masalah ketagihan menjadi serius. Teknologi ini boleh memudahkan pengawasan dan memberikan lebih banyak data kepada penyedia platform dan pihak berkuasa mengenai risiko yang mungkin dihadapi oleh pengguna.

Gainsbury et al. (2015) menyatakan bahawa teknologi boleh digunakan untuk kedua-dua memantau tingkah laku perjudian dan memberi amaran awal tentang tanda-tanda ketagihan. Melindungi pengguna daripada risiko kewangan yang tidak diingini memerlukan sistem berdasarkan *AI* yang boleh melihat corak tingkah laku pengguna dan mengenal pasti tanda-tanda awal ketagihan. Selain itu, teknologi ini boleh digunakan oleh penyedia platform untuk mendapatkan maklumat tentang tingkah laku pengguna, yang membolehkan mereka membuat perubahan yang diperlukan untuk meningkatkan keselamatan dan pengalaman pengguna.

Langkah penting, sebagai contoh, adalah penemuan corak perjudian berbahaya melalui analisis *big data* dan penyediaan sumber yang boleh membantu pengguna mengelakkan terjebak dalam masalah perjudian. Selain itu, penyedia platform perjudian boleh menawarkan maklumat yang lebih jelas tentang bahaya yang berkaitan dengan perjudian dalam talian dan menyediakan sumber sokongan yang boleh digunakan oleh pengguna yang mungkin mengalami masalah dengan perjudian mereka.

## Kerjasama Antara Agensi dan Organisasi

Langkah penting dalam membina sistem sokongan yang berkesan ialah mewujudkan kerjasama yang lebih erat antara agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO), dan penyedia platform perjudian digital. Ekosistem yang lebih lengkap akan dicipta untuk menangani isu perjudian digital dengan kerjasama daripada pelbagai pihak berkepentingan, seperti agensi penguatkuasa undang-undang, penyedia perkhidmatan kesihatan mental, dan pusat sokongan komuniti.

Menurut Wheaton et al. (2024), kerjasama pelbagai pihak dan sokongan komuniti yang kukuh adalah penting untuk menangani ketagihan perjudian. Oleh itu, institusi sokongan yang menyediakan kaunseling, pemulihan, dan bantuan psikologi kepada mereka yang terjejas oleh perjudian digital harus ditubuhkan. Pusat ini boleh menyediakan pendidikan untuk mendidik orang ramai tentang risiko perjudian dan cara mengatasi ketagihan.

Selain itu, usaha kesedaran yang melibatkan semua pihak berkepentingan, termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, penyedia platform dan komuniti, akan meningkatkan kesedaran tentang bahaya dan cara untuk mengurangkannya. Selain itu, kerjasama ini boleh melibatkan agensi atau jabatan di dalam perkhidmatan kesihatan mental untuk menawarkan sokongan tambahan kepada individu yang mengalami masalah perjudian. Dengan membina jaringan sokongan yang kukuh, bantuan yang lebih berkesan dapat diberikan kepada mereka yang terjejas oleh perjudian dalam talian serta mengurangkan kesan buruk terhadap masyarakat.

## PENUTUP

Perjudian digital dalam pasaran kewangan muncul sebagai cabaran baru yang memerlukan perhatian serius daripada semua pihak berkepentingan. Penyelidikan ini telah menunjukkan bahawa pelaburan dan perjudian menjadi semakin kabur, terutamanya platform dagangan digital baru yang merangkumi elemen perjudian. Platform sedemikian menggunakan teknik gamifikasi dan algoritma lanjutan untuk menarik perhatian pengguna dan meningkatkan risiko ketagihan dan tingkah laku impulsif. Oleh itu, kajian untuk mengkaji pemahaman kita tentang aktiviti dan kawalannya dalam konteks kewangan terbukti penting.

Dalam kesan psikososial, penyelidikan menunjukkan bahawa ketagihan perjudian digital datang dengan masalah kesihatan mental daripada keadaan serius seperti kemurungan dan kebimbangan. Pengguna yang terlibat dalam perjudian digital cenderung menjelaskan hubungan sosial dan keharmonian di rumah. Ini mendedahkan keperluan untuk menggunakan pendekatan yang lebih holistik untuk menangani masalah ini, termasuk sokongan psikologi dan pendidikan tentang risiko yang berkaitan dengan perjudian digital. Orang ramai perlu sedar tentang kesan negatif perjudian digital untuk melindungi individu dan seluruh keluarga daripada kemungkinan kesan negatif.

Untuk kesan psikososial, hasil daripada kajian menunjukkan bahawa ketagihan perjudian digital boleh mengakibatkan masalah kesihatan mental yang serius seperti kemurungan dan kebimbangan. Mereka yang terlibat dengan perjudian digital, biasanya cenderung mengalami gangguan dalam perhubungan sosial dan keharmonian keluarga mereka. Ini menunjukkan keperluan untuk pendekatan yang lebih holistik dalam menangani isu ini, termasuk sokongan psikologi dan pendidikan tentang risiko perjudian digital. Kesedaran awam perlu dipertingkatkan tentang kesan negatif perjudian digital untuk melindungi individu dan keluarga daripada kemungkinan kesan buruk. Penilaian semula keberkesanan rangka kerja peraturan sedia ada juga mesti dilakukan. Kebanyakan platform perjudian digital beroperasi dalam zon kelabu undang-undang yang sah, menjadikannya sukar untuk menguatkuasakan peraturan. Kajian berpendapat bahawa perlu ada peraturan yang ketat dan mekanisme pengawasan yang lebih berkesan untuk memastikan keselamatan pengguna. Kerjasama antara kerajaan, institusi kewangan, serta pertubuhan bukan kerajaan, adalah asas dalam membangunkan rangka kerja pengawalseliaan yang komprehensif dan berkesan.

Akhirnya, pendidikan pengguna dan literasi kewangan harus diutamakan dalam usaha meminimumkan kesan buruk tentang perjudian dalam talian. Kempen kesedaran untuk generasi muda yang terlibat dalam

aktiviti ini harus dilakukan untuk menyesuaikan mereka ke dalam paradigma menganalisis pelaburan berbanding bergantung kepada nasib. Dengan pendekatan bersepada dan sumbangan daripada pihak berkepentingan yang berbeza, ini akan dapat meminimumkan risiko berkaitan yang datang dengan perjudian dalam talian dan melindungi kebajikan seluruh masyarakat. Kesimpulannya, terdapat keperluan mendesak untuk tindakan kolaboratif di peringkat makro untuk menangani isu perjudian digital dalam pasaran kewangan bagi mewujudkan masa depan yang lebih selamat untuk pengguna.

## RUJUKAN

- Arifina, D. A., & Yusnadi, Y. (2024). The effect of online gambling addiction (slot) on family harmony: A case study of family leaders in Bunga Tanjung Village. *International Journal of Educational Practice and Policy*, 13-19.
- Budiman, R., Romadini, N. A., Aziz, M. A. H., & Pratama, A. G. (2022). The impact of online gambling among indonesian teens and technology. *IAIC Transactions on Sustainable Digital Innovation (ITSDI)*, 3(2), 162-167. <https://doi.org/10.34306/itsdi.v3i2.559>
- Gainsbury, S.M. (2015). Online Gambling Addiction: the Relationship Between Internet Gambling and Disordered Gambling. *Current Addiction Reports*, 2(2), 185-193. <http://dx.doi.org/10.1007/s40429-015-0057-8>
- Ismail, R., & Hamid, N. A. (2021). Gambling Addiction, Impulsive Behavior and Depression Amongst Civil Servants in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(6), 993–1005. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v11-i6/10229>
- Lusardi, A., & Mitchell, O. S. (2014). The economic importance of financial literacy: Theory and evidence. *Journal of Economic Literature*, 52, 1. <https://doi.org/10.1257/jel.52.1.5>
- Molander, O., Wall, H., Lindqvist, H., & Marionneau, V. (2024). Digitalisation of gambling harm? Gambling consumption, negative consequences, and clinical characteristics among Swedish help-seekers. *Addictive Behaviors*, 160, 108182. <https://doi.org/10.1016/j.addbeh.2024.108182>
- Rathakrishnan, B., & George, S. (2021). Gambling in Malaysia: an overview. *BJPsych International*, 18(2), 32–34. doi:10.1192/bji.2020.55
- Wall, H., Marionneau, V., Lindqvist, H., & Molander, O. (2024). Digitalisation of gambling harm? Gambling consumption, negative consequences, and clinical characteristics among Swedish helpseekers. *Addictive Behaviors*, 160, 108182. <https://doi.org/10.1016/j.addbeh.2024.108182>
- Wheaton J, Ford B, Nairn A, Collard S (2024) Towards a conceptual framework for the prevention of gambling-related harms: Findings from a scoping review. *PLOS ONE*, 19(3): e0298005. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0298005>